

KEADILAN RESTORATIF DAN RETRIBUTIF DALAM SYARIAH DAN DI MALAYSIA: SATU SOROTAN

(Restorative and Retributive Justice in Shariah and in Malaysia: A Review)

RAMIZAH WAN MUHAMMAD

ABSTRAK

Hukuman dalam Islam terbahagi kepada dua iaitu hukuman retributif dan hukuman restoratif. Hukuman yang sering diperkatakan ialah bersifat retributif iaitu bersifat menghukum pesalah di atas kesalahan beliau yang lalu. Manakala hukuman restoratif pula membawa maksud hukuman yang bersifat memulih tetapi tidak begitu popular dalam undang-undang Islam di Malaysia. Makalah ini akan membincangkan tentang konsep, sifat dan objektif kedua-dua jenis hukuman ini. Selain itu, makalah ini bertujuan untuk melihat perbezaan dan kesinambungan yang ada pada kedua-dua jenis hukuman yang disebutkan di atas. Nas-nas syariah telah jelas menunjukkan bahawa hukuman restoratif dan retributif wujud dalam Islam. Malah pada satu tahap, boleh dilihat bahawa Islam itu sendiri banyak mengesyorkan untuk kita memilih hukuman restoratif berbanding hukuman retributif. Beberapa kes yang telah diputuskan oleh Mahkamah Syariah di Malaysia juga bertujuan untuk melihat sejauhmanakah pelaksanaan hukuman restoratif dikenakan ke atas tertuduh. Makalah ini juga membincangkan sejauhmana kedua-dua hukuman ini dilaksanakan di Mahkamah Syariah di Malaysia. Rujukan juga akan dibuat ke atas beberapa undang-undang Islam yang terpakai di Malaysia seperti Undang-undang Tatacara Jenayah, Undang-undang Kesalahan Jenayah Syariah dan tidak ketinggalan juga Akta Mahkamah Syariah (Bidangkuasa Jenayah) 1965 [Akta 355]. Cadangan untuk meminda Akta 355 sangat dialu-alukan agar hukuman ke atas pesalah jenayah syariah bukan hanya bersifat retributif tetapi juga bersifat restoratif.

Kata Kunci: Syariah, Restoratif, Retributif, Jenayah, Malaysia

ABSTRACT

Punishment in Islam is categorised into two, namely in forms of restorative and retributive. The punishment most commonly adopt is retributive, whereby it is punishing the offender for his past committed offences. Meanwhile, restorative is the punishment that is rehabilitating in nature but quite unpopular in Islamic law in Malaysia. This study aims to discuss on the concept, nature and objective of these two forms of punishment. Furthermore, this study aims to identify the differences and similarities between these two forms of punishment. The shariah provision clearly shows that the restorative and retributive punishment exists in Islam. Even in one stage, it is seen that Islam itself encourages us to choose restorative instead of retributive punishment. A few cases have been decided by the Shariah Court in Malaysia that aims to study the extent of implementation of restorative punishment imposed to the offender. Moreover, this study discusses the extent of both forms of punishment as adopted by the Shariah Court in Malaysia. References also are made towards a few applicable Islamic law in Malaysia such as the Criminal Procedural Law, Shariah Criminal Procedural Law and also Act of Shariah Court (Criminal Jurisdiction) 1965 Act 355. Suggestions to amend Act 355 is utmost welcomed to ensure the punishment imposed on the criminal shariah offenders is not only retributive in nature, but also restorative.

Keywords: Shariah, Restorative, Retributive, Crime, Malaysia

PENGENALAN

Syariah Islamiyyah diturunkan oleh Allah SWT melalui Nabi Muhammad SAW kepada umat manusia di atas muka bumi ini demi untuk menjaga kemaslahatan ummah dunia seagat. Komponen Syariah yang diturunkan atas nama agama Islam ini boleh dibahagikan kepada tiga bahagian iaitu akidah, ibadah dan muamalat. Hukum yang berhubung kait dengan akidah adalah seperti beriman dengan Allah dan hari akhirat. Ibadah pula termasuk dalam

kategori hukum amali yang berkait rapat dengan hubungan kita dengan Allah dengan bersumberkan Sunnah Rasulullah SAW. Manakalah muamalat pula menyusun hubungan antara manusia dengan manusia. Antaranya ialah tentang kekeluargaan, pengurusan harta, sistem pentadbiran dan pemerintahan dan akhir sekali berhubung dengan perbuatan jenayah (Faizah Ismail 2006: xvi). Pada masa yang sama kewajipan untuk menegakkan undang-undang jenayah Islam bersumberkan syariah juga boleh dikatakan sebagai satu ibadah kerana

amalan dan ajaran ini telah termaktub di dalam al-Quran dan dilaksanakan oleh Rasulullah SAW pada zaman Baginda SAW. Tambahan pula jenayah ataupun kesalahan jenayah syariah ini boleh dikategorikan sebagai melanggar hak Allah, hak manusia ataupun kombinasi kedua-duanya sekali.

UNDANG-UNDANG JENAYAH ISLAM

Apabila ditanya apa itu undang-undang jenayah Islam, ramai di kalangan kita akan menjawab hudud. Ada juga yang menjawab tentang hukuman potong tangan, rejam sampai mati dan sebagainya. Ini bermaksud, masih ramai lagi yang belum faham apa yang dimaksudkan dengan undang-undang jenayah Islam. Walau bagaimanapun, melihat kepada jumlah graduan undang-undang lepasan universiti-universiti tempatan, ramai yang tahu tentang konsep hukuman, syarat-syarat jenayah, pengecualian dan sebagainya dalam undang-undang jenayah Islam. Justeru itu, untuk membuat rumusan bahawa ramai yang tidak faham atau tidak tahu konsep undang-undang jenayah Islam juga tidak tepat. Apa yang penting adalah konsep menuntut ilmu perlu dihayati sehingga ke liang lahad dan bukan berakhir sebaik sahaja mendapat segulung ijazah. Sistem hukuman dalam undang-undang jenayah Islam boleh dibahagikan kepada tiga jenis. Pertama, hukuman berdasarkan kepada jenis iaitu hukuman hudud, hukuman qisas ataupun diyat dan akhir sekali hukuman ta'zir. Kedua pula hukuman berdasarkan kepada niat seseorang iaitu perbuatan jenayah yang disusuli dengan niat jahat dan perbuatan yang tiada niat ataupun dengan kata lain dengan tidak sengaja. Sudah tentu hukumannya lebih berat dikenakan ke atas pesalah yang mempunyai niat jahat jika dibandingkan dengan perbuatan tanpa niat atau tidak sengaja. Manakala yang terakhir ialah perbuatan jenayah mengikut jenis hak yang telah dicabuli sama ada hak Allah, hak manusia atau hak masyarakat.

Jenayah hudud dan qisas merupakan jenayah yang mana hukumannya telah ditetapkan oleh Allah. Ketetapan hukuman ini ada disebutkan dalam al-Quran dan juga Sunnah Rasulullah SAW. Jenayah hudud ini ada yang melibatkan hak Allah seperti jenayah minum arak ataupun hak manusia seperti jenayah mencuri. Manakala jenayah membunuh dengan sengaja yang boleh membawa kepada hukuman qisas ataupun mati adalah satu contoh jenayah yang melanggar kedua-dua hak; iaitu hak Allah dan hak manusia.

FALSAFAH DAN OBJEKTIF HUKUMAN MENGIKUT SYARAK

Antara ciri falsafah hukuman dalam Islam ialah berpandukan kepada undang-undang Allah. Ianya bersifat kewahyuan ataupun *divine* yang bermaksud ciptaan Allah. Walaupun ta'zir dibenarkan di dalam Islam iaitu menggunakan budi bicara hakim tetapi hakim mestilah berpandukan kepada al-Quran, al-

Sunnah, Ijma' al-Sahabi dan sebagainya sebagai panduan sebelum membuat keputusan.

Hukuman juga boleh dilihat sebagai satu '*rahmah*' daripada Allah kepada manusia. Allah berfirman dalam Surah al-Anbiya' ayat 107 bahawa Allah tidak mengutuskan Rasulullah SAW bersertakan dengan syariah itu melainkan untuk memberi rahmat kepada manusia seluruh alam. Rahmah boleh ditakrifkan sebagai manusia akan terselamat daripada malapetaka, kezaliman dan kekuasaan orang (Zainuddin Jaafar 1990: 146).

Falsafah syariah merangkumi penjagaan enam aspek asas kehidupan seorang manusia iaitu akidah (agama), jiwa, kehormatan, fikiran, harta dan zuriat (Abdurrahman Haqqi 2015: 8). Walau bagaimanapun, sesetengah ulama menetapkan hanya lima aspek sahaja iaitu akidah (agama), jiwa, kehormatan, intelek dan harta (Muhammad Ali 2000: v-vi), manakala zuriat termasuk sebahagian daripada kehormatan. Enam aspek asas ini merupakan tonggak sesuatu masyarakat, bangsa dan negara yang bersumberkan syariah dalam kehidupan mereka. Oleh itu, jika hilang mana-mana komponen asas seperti yang disebutkan di atas, maka masyarakat dan negara akan hilang kekuatan, identiti dan seterusnya agama Islam dan undang-undang syariah tidak dapat dilaksanakan di atas muka bumi ini.

Menurut pandangan penulis, objektif utama hukuman dalam syariah ialah untuk mendidik dan bukan semata-mata untuk menghukum. Hukuman ini sebenarnya untuk mendidik akidah, minda dan hati seseorang agar menjadi manusia yang bertaqwa kepada Allah. Manusia yang bertaqwa itu bermaksud seorang individu yang takutkan Allah, takutkan azab pedih yang telah disediakan di dunia dan lebih-lebih lagi di akhirat. Seperti yang sedia maklum, daripada hadis Rasulullah SAW yang menyebut, jika hati kita baik maka baiklah segala anggota badan yang lain. Justeru itu, penulis berpendapat bahawa pendidikan rohani dan jiwa adalah matlamat utama bagi setiap hukuman yang dikenakan ke atas pesalah. Sayugia diingatkan juga, mendidik merupakan objektif utama dalam hukuman ta'zir sepertimana yang ditulis oleh Ibn Farhun dalam bukunya yang bertajuk *Tabsirah al Hukkam*.

Usaha untuk mendidik pesalah jenayah bukan hanya untuk jangka masa pendek tetapi perlu kepada bentuk jangka masa panjang beserta dengan modul-modul yang bersesuaian. Mekanisma pendidikan yang ingin dibuat ini lebih menjurus kepada mendidik fikiran dan akal budinya. Juga bertujuan untuk memberi peluang kedua agar kehidupan masa depan terjamin dan terkawal dari anasir-anasir jahat.

Selain daripada mendidik, objektif utama hukuman ialah untuk menghukum. Menghukum di sini membawa maksud untuk memberi pembalasan yang setimpal dengan perbuatan jahat yang dilakukan ke atas mangsa ataupun masyarakat. Dalam masa yang sama menghukum bermaksud dengan harapan untuk mencegah pesalah dari mengulangi jenayah yang dilakukan dan mencegah

individu lain dari melakukan jenayah yang sama kerana dikhuatiri akan menerima padah yang sama (Abdullah Saad 2009: 730).

Objektif yang berikutnya ialah untuk mendisiplinkan penjenayah agar pandai mengawal diri dari segi perbuatan dan tutur kata yang melanggar hak-hak Allah dan hak manusia. Mendisiplinkan pesalah merupakan objektif utama dalam jenayah ta'zir. Mengikut sesetengah pendapat penyelidik jenayah, hukuman jenayah Islam yang berbentuk umum dan ekspresif ini akan menghasilkan manusia yang bermoral dan berbudi tinggi (Groves et al. 1987: 497).

Apakah yang dimaksudkan dengan hukuman? Apakah ciri-ciri yang ada dalam hukuman? Secara umumnya hukuman itu mempunyai empat sifat. Pertama ialah bersifat *unpleasant* atau tidak menyenangkan. Kedua, ia diberikan disebabkan berlakunya perbuatan salah. Sifat yang ketiga ialah hukuman itu diberikan hanya kepada pesalah. Dengan kata lain hukuman itu adalah bersifat *personal*. Keempat, hukuman itu mestilah dilaksanakan oleh satu institusi yang telah diberi kuasa untuk melaksanakan hukuman tersebut seperti jabatan penjara ataupun mahkamah (<http://eepat.net.springer/doku.php?id=punishment>).

JENAYAH DALAM ISLAM

Jenayah dalam Islam dianggap sebagai satu dosa. Secara asasnya, berdosa kepada Allah jika perbuatan tersebut melibatkan apa yang termaktub di dalam nas. Berdosa kepada Allah juga termasuk hak manusia jika masyarakat sejagat turut terkena tempiasnya. Sebagai contoh, jenayah *hirabah* yang memberi impak perasaan takut akibat dari keganasan *muharib* yang dikenakan ke atas mangsa dan masyarakat. Jenayah juga dianggap sebagai dosa kepada manusia (individu) dan melanggar hak manusia seperti jenayah mencuri. Dalam jenayah mencuri, hak diberikan kepada manusia iaitu tuan punya barang yang dicuri untuk memaafkan pencuri dan meminta barangnya dipulangkan kembali. Jika hal sedemikian berlaku, maka gugurlah hukuman hudud ke atas pencuri tersebut. Walau bagaimanapun, si pencuri masih boleh dikenakan hukuman ta'zir yang merupakan hak kerajaan untuk menjaga keamanan negara. Mencuri adalah contoh jenayah hudud yang melibatkan hak manusia.

Jinayah dan *jarimah* adalah dua istilah bahasa Arab yang bermaksud jenayah dalam Bahasa Melayu. *Jarimah* menurut syarak adalah tegahan syarak yang mana jika dilakukan akan dikenakan hukuman hudud atau ta'zir (Mahmud Saedon 1990: 126). Manakala *jinayah* ditakrifkan sebagai nama perbuatan yang diharamkan oleh syarak sama ada perbuatan itu dilakukan terhadap nyawa, harta atau selain dari itu. Nyawa ini termasuklah juga anggota badan manusia yang mana hukuman yang dikenakan adalah hudud dan *qisas* ('Awdah 1964: 66-67). Oleh itu, boleh dirumuskan di sini bahawa *jarimah* dan *jinayah* tidak

ada perbezaan yang ketara. Pendekatan mungkin berbeza tetapi konsepnya adalah sama iaitu satu bentuk kesalahan yang melanggar hak manusia ataupun hak Allah yang boleh membawa kepada hukuman sama ada hudud, qisas (termasuk juga diyat) dan ta'zir.

KONSEP KEADILAN RETRIBUTIF

Keadilan retributif boleh didefinisikan sebagai satu konsep hukuman yang berbentuk fizikal. Dengan kata lain, ianya boleh dilihat dan bukan berbentuk abstrak. Ia lebih bersifat menghukum pesalah dengan hukuman yang boleh dikira dan dinilai dengan mata kasar seperti pesalah dihukum dengan enam kali sebatan, penjara selama tiga bulan atau denda RM5,000.00. Retributif juga dikenali dengan istilah lain iaitu punitif.

Retributif juga boleh ditakrifkan sebagai pembalasan (*jaza'*) ke atas si pesalah atas kesalahan yang dilakukan ke atas mangsa. Seperti mana dalam surah al-Maidah ayat 38 mengenai hukuman potong tangan ke atas pencuri di mana Allah menggunakan perkataan "*jaza'*" sebagai satu penunjuk atas kesalahan pencuri itu. Dalam undang-undang jenayah, mangsa merujuk kepada manusia (individu) masyarakat, syarikat, agensi ataupun janin. Haiwan pula tidak boleh menjadi mangsa kerana haiwan tidak boleh membawa kes atau mendakwa suspek ke mahkamah. Walau bagaimanapun, pemilik haiwan boleh berbuat demikian.

Retributif juga adalah satu bentuk konsep yang melibatkan hukuman yang adil yang bersesuaian dengan jenis jenayah, niat jahat si pesalah dan juga cara jenayah itu dilakukan (Aishath & Ismail 2011: xiii). Sebagai contoh, dalam kes membunuh yang mana pembunuh telah membiarkan mangsa dimakan oleh binatang buas kemudian tulang-tulang serta daging mangsa telah dibakar dengan tujuan untuk menghapuskan segala bukti. Contoh sebegini menjadi faktor kepada pihak hakim untuk menilai sejauh mana perbuatan membunuh dalam kes ini boleh memberi keadilan kepada keluarga mangsa dan masyarakat. Antara impak yang dirasakan penting kepada masyarakat ialah melahirkan rasa takut dan boleh mengganggu kehidupan seharian mereka dari segi fizikal dan mental.

Dalam konsep retributif, ada tiga perkara penting yang menjadi persoalan dalam undang-undang jenayah. Pertama, siapa yang melakukan jenayah itu. Kedua, adakah elemen-elemen jenayah tersebut telah dipenuhi dan yang ketiga apakah hukuman ke atas orang yang kena tuduh (OKT) jika didapati bersalah melakukan jenayah itu (Hadar & Tali 2012, 23: 2317). Hukuman yang diberikan adalah berkonsepkan apa yang termaktub dalam undang-undang bertulis dan terpakai di negara tersebut. Walau bagaimanapun, selain dari merujuk kepada undang-undang, hakim juga dibenarkan untuk menggunakan budi bicara sebelum mengambil keputusan untuk memberi hukuman (Mohd

Baharudin 1990: 86-87). Pengecualian akan diberikan dalam kes-kes yang tertentu seperti kes-kes juvana ataupun jika kes tersebut merupakan insiden pertama yang berlaku terhadap tertuduh.

Dalam undang-undang jenayah Islam pula, konsep keadilan bukan hanya berteraskan kepada hukuman sahaja tetapi termasuk juga pencegahan. Dengan kata lain, hukuman itu diberikan sebagai jalan untuk mencegah dari perkara yang sama berlaku pada masa hadapan. Seterusnya untuk memberi keadilan kepada masyarakat agar mereka dapat hidup dengan aman dan selamat. Hukuman juga bertujuan untuk mendidik manusia dan bukan hanya setakat mendidik penjenayah tetapi juga kepada mangsa, orang-orang yang terlibat dengan mangsa dan masyarakat. Ia lebih fokus untuk mendidik akidah dan hati penjenayah agar menjadi orang yang lebih baik daripada masa dahulu. Selain dari itu, hukuman dijalankan adalah untuk mendidik anggota badan mereka agar tidak bertindak melulu sehingga mencederakan atau memudaratkan orang lain. Perlu diingatkan juga antara sebab manusia dijadikan oleh Allah ialah untuk menguji mereka dengan pelbagai ujian dan pengalaman (al-Quran, Surah al-Mulk: 2). Manusia itu sendiri pada asalnya adalah fitrah; suci daripada dosa dan segala tanggungan jenayah. Mudah-mudahan dengan mendidik pesalah dan dia bertaubat kemungkinan dia kembali suci walaupun telah melakukan dosa dan jenayah. Dalam undang-undang jenayah Islam ada konsep taubat sebagai satu pengecualian agar hukuman asal ataupun retributif tidak dikenakan ke atas si penjenayah, seperti dalam kes hirabah (al-Quran, Surah al-Maidah: 34).

KEADILAN RESTORATIF

Keadilan restoratif adalah satu bentuk hukuman yang melibatkan satu proses ataupun aktiviti di mana satu pertemuan atau perbincangan dibuat di antara mangsa dan pesalah dengan tujuan untuk mencapai keharmonian, ketenangan dan perubahan di antara mereka. Keadilan restoratif dalam Islam bukan hanya dilaksanakan dalam kes-kes jenayah malah juga di dalam kes-kes sivil. Selain dari mangsa dan pesalah, orang yang turut terlibat bersama-sama dengan mangsa juga dibenarkan turut serta dalam perbincangan itu. Sudah tentu dalam perbincangan atau pertemuan itu, harus ada seorang fasilitator atau pegawai khas berada bersama untuk memastikan perbincangan berjalan dengan lancar agar objektif dapat dicapai. Keadilan restoratif ini adalah hukuman yang menekankan tentang kebajikan mangsa dan memberi pemulihan (*rehabilitation*) kepada si pesalah (Chua Ming Zuan 2010). Dalam masa yang sama, keadilan seperti ini juga mampu memberi peluang kedua kepada pesalah untuk membetulkan keadaan.

Keadilan restoratif perlu dilihat sebagai satu cara untuk menghukum pesalah dan bukannya satu alternatif kepada hukuman yang sedia ada. Dengan

kata lain, keadilan restoratif perlu dilihat sebagai mekanisma hukuman yang selari dengan hukuman konvensional yang sedia ada. Apabila kita memilih keadilan restoratif sebagai satu mekanisma hukuman bukan bermakna kita menolak sewenang-wenangnya hukuman retributif yang sedia ada. Adalah kurang tepat untuk kita melihat kedua-dua konsep hukuman ini secara bertentangan sebaliknya hendaklah kita rangkumkan (*embrace*) kedua-dua hukuman tersebut di dalam sistem keadilan jenayah Islam.

Salah satu ciri penting keadilan restoratif ialah penglibatan masyarakat dalam menangani jenayah dan juga membimbing pesalah ke jalan yang benar. Ia berbeza dengan retributif yang meletakkan tugas menghukum dan memulih jenayah dibahu pihak penjara ataupun mahkamah. Terdapat tiga objektif utama dalam amalan restoratif seperti berikut (Azlinda Azman & Mohd Taufik 2012: 20):

1. Untuk menonjolkan peranan mangsa dalam menyelesaikan konflik bersama-sama dengan keluarga, komuniti dan juga pesalah.
2. Untuk memberi lebih fokus kepada memulihkan hubungan dan membayar pampasan sebagai jalan penyelesaian antara mangsa dan pesalah.
3. Untuk menggalakkan satu perbincangan yang sihat antara mangsa, komuniti dan pesalah. Pesalah juga boleh memohon kemaafan atas kesalahan atau kesilapan yang dilakukan dan seterusnya bersama-sama merasai penyesalan yang dihadapi oleh pesalah.

Objektif-objektif di atas jelas menunjukkan bahawa pengiktirafan hak-hak individu dalam sesebuah masyarakat boleh membawa kepada keharmonian dan perpaduan sesebuah negara.

RESTORATIF DALAM ISLAM

Perbincangan mengenai keadilan restoratif dan objektif utama amalan restoratif secara umum dalam konteks Islam juga wajar diamati dalam perbincangan ini. Secara umumnya, konsep keadilan restoratif dan mekanismenya telah diamalkan dalam sistem undang-undang jenayah Islam. Hal ini boleh dilihat dalam konteks hukuman bagi kesalahan jenayah *qisās* yang mana keutamaan dalam menentukan hukuman kepada pesalah diberikan kepada mangsa atau keluarga mangsa jenayah tersebut walaupun terdapat hukuman yang lebih berat telah ditetapkan, iaitu dengan menghukum pesalah dengan hukuman yang sama sebagaimana yang diperlakukan kepada mangsa.

Dalam kesalahan *qisās* mangsa atau keluarga mangsa (dalam kes pembunuhan) memainkan peranan yang signifikan dalam proses pendakwaan dan hukuman, memandangkan mangsa diberikan hak untuk menentukan cara hukuman dijatuhkan kepada pesalah. Selain itu juga, mangsa atau keluarga mangsa dalam kes yang melibatkan pembunuhan boleh meminta supaya pesalah membayar ganti rugi atau *diyat* sekiranya berhasrat untuk 'membebaskan'

pesalah dari sebarang hukuman fizikal (Moore 2002: 1338-1343). Dalam perspektif moden, peranan yang dimainkan oleh mangsa atau keluarga mangsa dalam kes pembunuhan dalam hukuman *qisās* memberi refleksi kepada konsep dan amalan keadilan restoratif memandangkan elemen dan konsep tersebut ada diamalkan dalam proses mediasi antara mangsa dan pesalah (ibid.).

Selain itu juga, aplikasi keadilan restoratif dalam Islam sangat menggalakkan umatnya memberi kemaafan kepada orang lain yang membuat kesalahan. Nilai ini digambarkan sebagai satu akhlak yang mulia dalam al-Quran dan Hadis. Dalam al-Quran misalnya, Allah berfirman di dalam surah al-Nahl ayat 126 yang bermaksud:

“Dan jika kamu membalas kejahatan (pihak lawan), maka hendaklah kamu membalas dengan kejahatan yang sama seperti yang telah ditimpakan kepada kamu, dan jika kamu bersabar, (maka) sesungguhnya yang demikian itu adalah lebih baik bagi orang-orang yang sabar.”

Anjuran memaafkan orang lain dapat dilihat dari teladan yang dilakukan oleh Nabi Muhammad SAW dalam kisah pembukaan Kota Mekah apabila Baginda memaafkan semua penduduk Mekah termasuklah orang yang memusuhi Baginda selepas kejayaan pembukaan Kota Mekah. Kedua-dua contoh dari al-Quran dan Hadis tersebut memperlihatkan bahawa hukuman kepada pesalah bukanlah pilihan yang konklusif atau pilihan utama dalam memberi pengajaran kepada pesalah sekiranya kerugian atau kecederaan yang dialami oleh mangsa boleh dimaafkan oleh mangsa. Walau bagaimanapun, perlu difahami dengan jelas bahawa anjuran memaafkan pesalah dalam agama Islam bukanlah bermaksud agama ini memandang remeh kepada impak kesalahan atau jenayah yang telah dilakukan, tetapi anjuran ini memperlihatkan bagaimana ajaran Islam menganjurkan belas ihsan sesama manusia. Pada masa yang sama, ia juga menunjukkan bagaimana impak yang besar kesan daripada hukuman yang bersifat retributif boleh dielakkan dengan adanya kemaafan dari pihak mangsa atau keluarganya. Bahkan, keadaan ini sebenarnya mencerminkan sifat Maha Pengampun Allah SWT yang mengampunkan hamba-Nya yang bertaubat.

Dalam Islam, hukuman alternatif boleh ditentukan oleh pihak berkuasa (sama ada pemerintah atau hakim) untuk dijatuhkan kepada pesalah sekalipun pihak mangsa atau keluarga mangsa telah memberi kemaafan. Dalam situasi ini, sekali lagi keadilan restoratif memainkan peranan penting untuk memulih atau mengubah perilaku pesalah tadi. Allah SWT berfirman di dalam surah al-Shura ayat 42 yang bermaksud:

“Balasan kejahatan ialah kejahatan seumpamanya tetapi sesiapa yang memaafkan dan berdamai, maka pahalanya di sisi Allah.

Sesungguhnya Allah tidak mengasihi orang-orang yang menganiaya (orang lain)”.

Di dalam al-Quran ada menyatakan bahawa antara sifat-sifat orang yang bertaqwa ialah mereka yang suka memaafkan kesalahan orang lain. Hal ini dijelaskan oleh firman Allah di dalam surah Al Imran ayat 133-134:

“Bersegeralah kamu mencari ampunan dari Tuhanmu dan mendapatkan syurga yang luasnya seluas langit dan bumi yang disediakan bagi orang-orang yang bertakwa, (iaitu) orang-orang yang berinfak, baik di waktu lapang maupun sempit, dan orang-orang yang menahan amarahnya, dan mema’afkan (kesalahan) orang lain Allah menyukai orang-orang yang berbuat kebajikan”.

Impak besar kemaafan yang dianjurkan dalam Islam dan keadilan restoratif dalam Islam boleh dilihat pada insiden yang berlaku di Iran pada tahun 2000. Seorang remaja bernama Murteza Amini Moqaddam dihadapkan ke mahkamah kerana menyebabkan kematian seorang remaja yang lain, Hadi Mohebbi, dengan tikaman yang serius. Pesalah tersebut berusia 17 tahun ketika kesalahan dibuat dan tikaman dibuat selepas pergaduhan berlaku. Keluarga pesalah memohon agar pihak keluarga mangsa memaafkan pesalah bagi mengelakkan pesalah tersebut dihukum gantung. Walau bagaimanapun, ibu bapa mangsa tetap enggan memaafkan. Ketika mangsa dibawa ke tali gantung di tempat awam, masyarakat yang hadir untuk menyaksikan hukuman tersebut turut mendesak supaya ibu bapa mangsa tidak memaafkan pesalah dan membiarkan sahaja pesalah dihukum gantung kerana dikhawatiri kesalahan yang sama akan diulang sekiranya pesalah dibebaskan (Anon. t.th.). Walau bagaimanapun, ibu mangsa secara tiba-tiba memaafkan pesalah tersebut hanya beberapa saat sebelum hukuman dijalankan selepas tali gantung diletakkan di sekeliling leher pesalah. Apa yang lebih menarik, media melaporkan bapa mangsa memaklumkan bahawa hukuman yang dijatuhkan kepada pesalah tidak mungkin akan mengembalikan semula anaknya yang telah meninggal dunia (Scott & Ellen t.th.). Media juga turut melaporkan bahawa pesalah menyatakan kekesalannya terhadap kesalahan yang dilakukan dan turut mengaku bahawa kesalahan tersebut adalah satu kesalahan yang sukar dimaafkan. Oleh itu, pesalah berjanji untuk menjadi “seorang yang berguna dalam hidup dan berguna kepada masyarakat hingga akhir hayatnya” (Scott & Ellen t.th.). Kisah atau contoh dalam kes kematian Murteza Amini Moqaddam ini menunjukkan keindahan memberi kemaafan dalam Islam kepada masyarakat umum, terutamanya masyarakat antarabangsa dan masyarakat Barat, serta memperlihatkan bagaimana keadilan restoratif boleh diaplikasi bagi memulihkan perilaku seseorang individu pesalah terutamanya apabila kemudaratan yang dilakukan tidak boleh diperbaiki semula.

Undang-undang Islam termasuklah undang-undang jenayah Islam merupakan undang-undang yang bersumberkan wahyu. Agama Islam sangat menganjurkan penganutnya untuk bertaubat sekiranya telah melakukan dosa atau kesalahan, sama ada kesalahan kecil mahupun besar (Surah al-Nur: 2; Surah al-Maidah: 34 & 39; Surah al-Nisa': 16-17). Sebagai contoh di dalam surah al-Maidah ayat 34 yang mana Allah menyatakan bahawa jika pesalah jenayah *hirabah* telah bertaubat dan menyerah diri kepada pihak berkuasa, maka sesungguhnya Allah Maha Pengampun dan Penyayang. Secara rumusannya, di dalam undang-undang jenayah Islam, taubat diambil kira sebagai satu *defence* atau halangan agar hukuman hudud tidak dijalankan. Walau bagaimanapun, ada perbincangan ulama dalam isu ini. Menurut keadilan restoratif yang dianjurkan oleh perspektif moden, ajaran ini, iaitu bertaubat, sebenarnya berkait secara langsung dengan proses rehabilitasi atau proses memulihara atau memperbaiki akhlak seseorang individu yang melakukan kesalahan. Hal ini bertujuan untuk meningkatkan integrasi dalaman seseorang individu pesalah dan seterusnya mengembalikan keamanan dalam masyarakat yang telah terjejas dengan kelakuan jenayah (Zehr & Gohar 2003: 57).

Dalam keadilan restoratif, kerosakan atau mudarat yang dilakukan oleh pesalah kepada pihak lain dan masyarakat perlu menjadi pengajaran kepada dirinya. Pesalah perlu digalakkan untuk memperbaiki diri dan akhlak agar dapat menjadi sebahagian daripada masyarakat yang aman. Oleh sebab itu, institusi agama dan masyarakat amnya memainkan peranan penting dalam proses memperbaiki diri dan meningkatkan akhlak pesalah tadi (Claassen t.th.). Sehubungan dengan itu, konsep taubat yang dianjurkan oleh agama Islam turut perlu dilihat sebagai satu komponen penting dalam proses rehabilitasi dalam konsep keadilan restoratif dalam Islam.

KEADILAN RESTORATIF DI MAHKAMAH SYARIAH DI MALAYSIA

Mahkamah Syariah di Malaysia merupakan institusi Islam yang lahir dari Jadual Kesembilan Senarai II Perlembagaan Persekutuan Malaysia. Ia adalah badan perundangan milik negeri-negeri di Malaysia. Perlantikan hakim-hakim Mahkamah Syariah dibuat oleh Sultan atau Raja di negeri-negeri di Malaysia. Manakala negeri yang tidak ada Sultan atau Raja, hakim-hakim Mahkamah Syariah dilantik oleh Yang Dipertuan Agong atau Yang Dipertuan Besar negeri masing-masing.

Kuasa seorang hakim di Mahkamah Syariah di Malaysia untuk memberi hukuman adalah tertakluk kepada undang-undang bertulis termasuklah Perlembagaan Persekutuan dan juga akta-akta persekutuan. Satu akta penting ialah Akta Mahkamah Syariah (Bidangkuasa Jenayah) 1965 (No 355 Pindaan 1984). Akta ini diluluskan oleh Parlimen

dengan tujuan untuk memberi kuasa kepada Mahkamah Syariah untuk menjatuhkan hukuman ke atas pesalah jenayah syariah. Akta ini hanya mengandungi tiga peruntukan undang-undang. Seksyen 1 dalam akta tersebut hanya menyebut tajuk ringkas akta serta penggunaannya hanya terpakai bagi setiap negeri-negeri di Semenanjung Malaysia. Seksyen 2 pula menyatakan bahawa akta ini terpakai kepada penganut yang beragama Islam yang melakukan kesalahan hukum syarak mengikut undang-undang bertulis negeri yang dibuat mengikut dalam Senarai II Jadual Kesembilan Perlembagaan Persekutuan. Seksyen 2 juga turut menyatakan bahawa Mahkamah Syariah hanya boleh memberi hukuman seperti berikut;

1. Hukuman penjara tidak melebihi 3 tahun.
2. Denda tidak melebihi RM5000.
3. Sebatan tidak melebihi 6 kali.

Seksyen 3 hanya memberi pengesahan ke atas pemakaian akta ini di negeri-negeri di Semenanjung Malaysia dan selepas dibuat pindaan dan perluasan pada tahun 1989 ianya juga terpakai di negeri Sabah dan Sarawak. Pada pengamatan penulis, akta ini mungkin antara akta terpendek di Malaysia.

Berbalik kepada isu restoratif, perlu dilihat di dalam seksyen 2 di atas jelas tertulis bahawa jenis hukuman yang diberi mandat kepada Mahkamah Syariah di Malaysia ialah keadilan retributif yang bersifat hukuman konvensional. Tidak ada keluasan skop hukuman yang boleh membantu mahkamah untuk memberi laluan kepada keadilan restoratif. Justeru itu, penulis berpendapat jika Rang Undang-undang Akta 355 ini dapat dipinda nescaya skop dan bidang kuasa mahkamah Syariah dalam menjatuhkan hukuman dapat diperluaskan. Cadangan untuk meminda Akta Undang-undang 355 nampaknya lebih mementingkan kepada hukuman retributif sahaja. Dalam konteks undang-undang kriminologi adalah kurang tepat untuk hanya menghadkan kepada hukuman retributif sahaja namun jika hukuman alternatif lain dimasukkan, undang-undang jenayah Islam akan dilihat sebagai undang-undang yang komprehensif dan bersifat fitrah untuk dilaksanakan ke atas manusia sejangat.

Walaupun bagaimanapun, dalam Seksyen 54(1) Enakmen Jenayah Syariah Selangor 1995 ada memperuntukkan mengenai penghantaran pesalah-pesalah yang berkaitan dengan moral ataupun pemohon-pemohon yang berkaitan dengan akidah ke pusat pemulihan ataupun kaunseling. Pusat pemulihan menurut sesetengah pendapat ia adalah berbentuk retributif (Faye & Danielle 2011: 233-234). Mungkin disebabkan konsep pemulihan diadakan di penjara melalui modul-modul tertentu ataupun di tempat khusus yang tidak ada elemen restoratif dari pakar-pakar kaunseling dan sebagainya (Ramizah 2016: 7-8). Ada juga kes-kes murtad yang dibawa ke Jabatan Mufti untuk diberi kaunseling. Oleh itu, kaunseling yang diberi mestilah dari kaunselor yang bertauliah dan berlesen.

KESIMPULAN

Perbincangan di atas dapat dirumuskan bahawa perlunya ada peruntukan khusus dalam undang-undang Islam di Malaysia tentang keadilan atau hukuman restoratif. Peruntukan ini boleh dibuat dalam bentuk umum ataupun lebih khusus. Kepentingan dan keperluan kepada keadilan restoratif bukan bermaksud kita mengenepikan langsung hukuman retributif tetapi hendaklah memasukkan elemen restoratif bersama-sama dengan retributif. Pada masa yang sama keadilan restoratif hendaklah dimaklumkan kepada umum agar pemahaman masyarakat tentang hukuman jenayah Islam bukan hanya tertakluk kepada hukuman rejam dan potong tangan semata-mata malah Islam menganjurkan konsep bermaaf-maafan dan bertaubat. Untuk menjadi sebuah negara bebas dari anasir-anasir jahat, bebanan tidak seharusnya diletakkan ke atas polis, pegawai penguatkuasa, pendakwa dan sebagainya tetapi juga terletak di atas bahu “kita” semua.

RUJUKAN

- Al-Quran al-Karim.
- Abdullah Saad Alarefi. 2009. Overview of Islamic law. *International Criminal Law Review* 9: 707-731.
- Abdurrahman Haqqi. 2015. Criminal punishment and pursuit justice in Islamic law. *International Journal Technical Research and Application*: 1-10.
- Aishath Muneeza & Ismail Wisham. 2011. *Sciences of Punishment: Introduction to Comparative Penology*. Kuala Lumpur: A.S. Nordeen Publisher.
- Anon. t.th. Iranian teenager pardoned seconds before hanging. <http://www.hurriyetcailynews.com/iranian-teenager-pardoned-seconds-before-hanging.aspx?pageID=438&n=iranian-teenager-pardoned-seconds-before-hanging-2000-01-03> [28 Mac 2016].
- ‘Awdah, Abd al-Qadir. 1964. *al-Tashri‘ al-Jina’iy al-Islam*. Beirut: Dar al-Kitab al-‘Arabi.
- Azlinda Azman & Mohd Taufik Mohammad. 2012. Crime victim support system and restorative justice: possible implementation in Malaysia. *Journal of Arts and Humanities* 1(2): 18-26.
- Chua Ming Zuan. 2010. The appropriateness between the death penalty and murder offence under the Malaysian Penal Code. *Malayan Law Journal* 5: xciv-cxiii.
- Claassen, R. t.th. Restorative justice - fundamental principles. Retrieved February 26, 2016, from <http://peace.fresno.edu/rjprinc.html>.
- Faizah Ismail. 2006. *Asas Muamalat dalam Islam*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Faye Taxman & Danillelle S. Rudes. 2011. Punishment Versus Rehabilitation. In William J. Chambliss (Ed.), *Corrections: Key Issues in Crime and Punishment*. Los Angeles: Sage Publications.
- Groves et al. 1987. Islam, modernization and crime: a test of the religious ecology thesis. *Journal of Criminal Justice* 15: 497.
- Hadar-Dancig Rosenberg & Tali Gal. 2012. Restorative Criminal Justice. *Cardozo Law Review* 23: 2313-2346.
- Mahmud Saedon Awang Othman. 1990. Hak orang yang tertuduh di bawah hukum syarak. *Al-Ahkam* 2: 122-141.
- Mohd Baharudin Harun. 1990. Hukuman mengikut undang-undang sivil. *Al-Ahkam* 2: 74-93.
- Moore, M. S. 2002. Retributivism. In J. Dressler (Ed.), *Encyclopedia of Criminal and Justice*, hlm. 1338-1343. New York: Macmillan.
- Muhammad Ali al-Khulli. 2000. *Penal Codes in Islam*. Jordan: Dar al Falah.
- Ramizah Wan Muhammad. 2016. Counseling for the apostates. *Malaysian Online Journal for Counseling* 3(1): 1-13.
- Scott Harrison & Ellen Moore t.th. UA notes for AI speakers, staff (December 1999 – July 2000). <http://www.amnesty-volunteer.org/outreach/uanotes0700.shtml> [28 Mac 2016].
- Zainuddin Jaafar. 1990. Hukuman mengikut undang-undang Syariah. *Al Ahkam* 2: 142-168.
- Zehr, H., & Gohar, A. 2003. *The Little Book of Restorative Justice*. Pennsylvania: Good Book.

Ramizah Wan Muhammad
 ramizah@iium.edu.my
 Department of Islamic Law
 Ahmad Ibrahim Kuliyah of Laws
 International Islamic University Malaysia
 P.O. Box 10, 50728 Kuala Lumpur
 MALAYSIA

Journal of Contemporary Islamic Law

(2018)Vol. 3(1)

Editor-In-Chief

Dr. Mohd Al Adib Samuri

Co-Editor

Assoc. Prof. Dr. Salmy Edawati Yaacob

Secretary

Dr. Nurul Ilyana Muhd Adnan

Senior Editors

Prof. Dr. Abdul Basir Mohamad

Prof. Dr. Mohd Nasran Mohamad

Assoc. Prof. Dr. Shofian Ahmad

Assoc. Prof. Dr. Zaini Nasohah

Assoc. Prof. Dr. Iknor Azli Ibrahim

Assoc. Prof. Dr. Zuliza Mohd Kusrin

Chief Managing Editor

Dr. Mat Noor Mat Zain

Arabic Copy Editor

Anwar Fakhri Omar

Bahasa Copy Editor

Dr. Mohd Zamro Muda

Md. Yazid Ahmad

Editor

Dr. Mohammad Zaini Yahaya

Dr. Nik Abd. Rahim Nik Abdul Ghani

Dr. Azlin Alisa Ahmad

Mohd Hafiz Safiai

Published by:

Centre for Contemporary Fiqh and Sharia
Compliance,

Faculty of Islamic Studies,

Universiti Kebangsaan Malaysia,

43600 Bangi, Selangor, Malaysia.

Suggested citation style:

Author, (2018), Title, Journal of Contemporary

Islamic Law, 3(1), pages, <http://www.ukm.my/jcil>

eISSN 0127-788X

Copyrights:

This work is licensed under a Creative Commons
Attribution-Noncommercial-No Derivative Works
3.0 Unported License

(<http://creativecommons.org/licenses/by-nc-nd/3.0/>).

You can download an electronic version online. You
are free to copy, distribute and transmit the work
under the following conditions: Attribution – you
must attribute the work in the manner specified by
the author or licensor (but not in any way that
suggests that they endorse you or your use of the
work); Noncommercial – you may not use this work
for commercial purposes; No Derivate Works – you
may not alter, transform, or build upon this work.

Journal of Contemporary **ISLAMIC LAW**

Volume: 3 Issue: 1

eISSN: 0127-788X

JUNE 2018



Published by:

Centre for Contemporary Fiqh and Sharia Compliance,
Faculty of Islamic Studies,
Universiti Kebangsaan Malaysia,
43600 Bangi, Selangor, Malaysia.
www.ukm.my/jcil

eISSN 0127-788X

